

*Sukan cungkil sifat
terbaik dalam
diri seseorang*

B/H 118/12 MS 25.

*Setiap pesakit harus contohi semangat
kesukanan dalam melawan penyakit*

Apabila obor Olimpik dinyalakan pada 27 Julai lalu, lebih 200 negara mula bertanding dalam 302 acara sukan bagi meneruskan tradisi lama yang bermula sejak 776 Sebelum Masihi.

Malah, sehingga hari ini Sukan Olimpik melambangkan pelbagai ideal – perpaduan rakyat senegara, semangat tanpa diskriminasi atlit, persaingan sihat dan semangat kesukanan.

Moto Olimpik 'Lebih Pantas, Lebih Tinggi, Lebih Kuat', memberitahu kita supaya jangan sekadar berusaha untuk mencapai kemenangan, sebaliknya kita hendaklah menghargai perjalanan yang membawa kita ke arah kejayaan. Dalam perjuangan untuk mencapai kemenangan, kita memperbaiki diri sendiri dan memperoleh pengajaran yang berharga.

Sukan mencungkil sifat yang terbaik dalam diri kita. Pada Jun lalu, Meghan Vogel, seorang pelari trek muda dari Ohio, Amerika Syarikat, berhenti sebelum sampai ke garisan penamat untuk membantu pesaingnya yang terjatuh kerana mengalami kekejangan. Oleh kerana tindakannya yang tidak mementingkan diri itu, Vogel menduduki tempat tercorot, namun menurutnya, membantu orang lain lebih memuaskan baginya daripada menang perlumbaan itu.

Baru-baru ini penulis bertemu dengan bekas pesakit kanser yang selamat, Mohd Royzilee Mustaffa yang melambangkan semangat budi-man. Royzilee yang sembuh daripada kanser otak, memulakan sebuah pertubuhan, Let's Rock Cancer Malaysia untuk menimbulkan kesedaran tentang penyakit kanser melalui muzik.

Ketika bertemu dengan-nya beberapa minggu lalu pada majlis iMalaysia Untuk Belia (iM4U), dia memberitahu saya bahawa muzik membantunya supaya tabah dan cekal sepanjang penyakitnya. Justeru, dia mahu berkongsi pengalamannya dengan orang lain. Saya kagum dengan sikapnya yang menunjukkan bahawa dia bukan saja mengambil berat tentang pemulihannya, tetapi ingin membantu pesakit lain menempuh saat-saat getir dalam kehidupan mereka.

Penulis juga kagum dengan Royzilee dan pesakit lain yang selamat kerana mereka tidak kenal sikap 'putus asa.' Dengan bersikap positif, Royzilee berjaya melawan penyakit yang biasanya menakutkan kebanyakan orang lain.

Mujurlah, hasil kemajuan bidang per-

abatan, kebanyakan penyakit termasuk kanser, strok, HIV dan sakit buah pinggang tidak lagi merupakan hukuman mati seperti dulu. Kebanyakan pesakit hidup bertahun-tahun lamanya jika mereka mampu menguruskan keadaan mereka dengan mematuhi nasihat doktor dan mengamalkan gaya hidup sihat.

Namun, bagaimana mereka memilih untuk meneruskan kehidupan sepanjang tempoh berkenaan membawa perbezaan yang amat besar dalam mutu kehidupan. Apakah mereka terus bersikap positif atau mereka pasrah dan mengabaikan kehidupan?

Ben (bukan nama sebenar), adalah seorang lagi pesakit kanser yang penulis temui dan kini sedang menjalani pusingan ketiga rawatan kemoterapi bagi kanser pankreas. Tubuh badannya menjadi kurus kering, rambutnya gugur bergumpal dan dia sering keluar masuk

hospital kerana sistem imunitanya terlalu lemah untuk melawan semua jangkitan.

Pun begitu, dia sentiasa kelihatan riang. Dia menggayakan pelbagai jenis topi, masih terus bekerja supaya dia berasa dirinya berguna selain terbabit dalam kegiatan yang diminatinya.

Sejak pertama kali bertemu, Ben dan penulis terus rapat kerana kami mementi Kelab Bola Sepak Manchester City. Dia memberitahu, falsafah hidupnya berpandukan Man City.

Dia meminati Man City sejak 1980-an dan kekal setia kepada pasukan itu walaupun kelab itu pernah melalui saat getir dan diturunkan ke kumpulan ketiga pada 1998. Walau ketika menempuh zaman yang penuh mencabar itu, Man City terus naik semula, seolah-olah tidak pernah

putus asa.

Pada dekad ini, hasil kegigihan, usaha keras dan takdir, Man City berjaya merangkak naik semula dan memenangi kejuaraan Liga Premier Inggeris dengan menewaskan musuh ketatnya Manchester United.

Menurut Ben, hidup ini penuh dengan turun naik, sama seperti bola sepak. Namun dia sentiasa menantikan perkara yang baik dan 'keajaiban' kecil yang berlaku ke atasnya, seperti pelukan daripada cucunya atau keseronokan bertemu dengan kawan-kawan lama.



Penulis

ialah Menteri Kesihatan. Ikuti beliau melalui blog www.liowtionglai.com/blog/ atau Twitter @liowtionglai.